

**Teks Ucapan**

**Y.BHG DATO' SRI JAMIL BIN SALLEH**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

**Majlis Perasmian**

**“Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) MKM”**

**Tempat: Auditorium Dato' Abdul Majid, Maktab Koperasi Malaysia**

**Tarikh : 15 Februari 2018 (Khamis)**

**Masa: 12.20 tengah hari**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang saya hormati saudara/ saudari pengurus majlis,

Yang Berbahagia,

**Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim**

Pengerusi,

Lembaga Pengarah Maktab Koperasi Malaysia

Yang Berbahagia,

**Dato' Hj Abdul Samat bin Kasah**

Timbalan Pesuruhjaya,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Yang Berbahagia,

**Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik,**

Ketua Pengarah,

Maktab Koperasi Malaysia

Yang Berbahagia,

**Dato' Seri Setia Raja Dato' Hj. Mohd Aiseri bin Alias**

Pengerusi,

Lembaga Pengarah MKM Global Holdings Sdn Bhd

Merangkap Ahli Lembaga Pengarah MKM

Lembaga Pengarah Maktab Koperasi Malaysia dan MKM Global Holding Sdn Bhd,  
Barisan pegawai dan pensyarah MKM dan Kolej iCoop,  
Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang turut hadir  
Warga kerja MKM yang dihormati sekalian.  
Serta rakan media cetak dan elektronik

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **Pengenalan**

1. Terlebih dahulu mari kita memanjatkan rasa syukur Alhamdullilah ke hadrat Ilahi atas limpah dan kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) peringkat Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan Kolej iCoop. Terima kasih saya ucapkan kepada Prof Datuk Mohd Yusof bin Kasim dan barisan kepimpinan MKM atas jemputan bagi merasmikan majlis pada petang ini.
  
2. Langkah MKM bagi mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) amat bertepatan dengan seruan pihak Kerajaan dan KPDNKK sendiri dalam usaha untuk membentuk budaya kerja cemerlang di kalangan penjawat awam yang mana asasnya sangat

berkait rapat dengan prinsip kerja beretika dan berintegriti tinggi yang diamalkan oleh setiap warga kerja dalam sesebuah organisasi.

### **Budaya kerja Berprestasi tinggi dan Berintegriti**

3. Budaya kerja berprestasi tinggi dan berintegriti ini bukan sahaja dapat meningkatkan ketelusan sistem pencapaian Kerajaan sedia ada, bahkan juga yang lebih besarnya dapat mengembalikan kepercayaan masyarakat terhadap jabatan dan agensi Kerajaan yang ada kadang kala dicabar oleh sikap dan tindakan segelintir kecil individu yang tidak berintegriti.
4. Berhadapan dengan era digital dan dunia tanpa sempadan kini, warga MKM tidak dapat lari malah perlu turut serta dalam menjadi pengguna media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube, Instagram, WhatsApp dan medium interaksi lain di internet.
5. Warga MKM dan Kolej iCoop perlu mengelakkan sebarang komen / pernyataan / isu yang menyentuh perkara-perkara yang boleh menjelaskan imej dan dasar Kerajaan, maklumat berbentuk fitnah, hasutan dan lucah atau cuba memprovokasi sesuatu isu yang menyalahi peraturan dan undang-undang atau perkara yang menyentuh sensitiviti individu, masyarakat ataupun agama yang boleh mencetuskan suasana tidak harmoni.

6. Saya menasihatkan warga MKM untuk mengesahkan dahulu maklumat yang diterima di media sosial dan jangan sekali-kali terlibat dalam menyebarkan sesuatu atau memberikan komen-komen yang boleh ditafsirkan menyalahi Perintah Am (General Orders) atau yang melanggari peruntukan undang-undang seperti dibawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).
7. Saya menyeru agar seluruh warga MKM sentiasa menjaga etika, memelihara integriti dan sentiasa berusaha menjadikan media sosial sebagai alat untuk meningkatkan produktiviti dan hasil kerja ke arah yang lebih baik dan melangkaui kebiasaan serta mendahulukan dan mengutamakan tugas yang diamanahkan berbanding perkara yang tidak berfaedah dan kepentingan diri sendiri. Sehubungan itu, sebagai penjawat awam, warga MKM haruslah mengamalkan nilai-nilai murni serta berintegriti tinggi dalam melaksanakan tugas.

Hadirin sekalian,

**Ikrar Bebas Rasuah**

8. Hari ini merupakan hari yang bersejarah buat MKM di mana satu Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bakal ditandatangani oleh semua Lembaga Pengarah dan warga kerja MKM dan MKM Global Holdings. Untuk makluman semua warga kerja MKM dan Kolej iCoop, Ikrar Bebas Rasuah (IBR) adalah merupakan sebuah dokumen sebagai tanda pengisyiharaan satu pihak menentang gejala rasuah.

9. Sejajar dengan objektif Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu "Memerangi Rasuah" di bawah Program Transformasi Kerajaan. Ikrar Bebas Rasuah merupakan satu pertalian yang penting bagi pembaharuan yang berlaku dalam sektor awam dan penambahbaikan secara berterusan, untuk memacu kemajuan negara ke arah menjadi sebuah negara maju.
10. Oleh yang demikian, integriti adalah sangat penting ketika menjalankan tugas sehari-hari. Seorang ketua juga turut bergantung kepada integriti para pekerjanya untuk menggerakkan organisasi mereka.
11. Penekanan dan keseriusan sesebuah organisasi dalam menerapkan integriti dalam etika kerja adalah sememangnya bertepatan dengan iltizam Kerajaan pada hari ini untuk memperkasakan nilai integriti. Malah nilai integriti ini seperti yang kita sedia maklum, telah pun diangkat sebagai salah satu daripada empat nilai asas pelengkap dalam pentadbiran Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak dalam usaha untuk mentransformasikan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Hadirin sekalian,

12. Integriti jika dihayati bukan sahaja dapat menjauhkan warga kerja dari amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Bahkan konsep integriti sememangnya menggalakkan kepada nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur, taat

dan mempunyai sifat-sifat keperibadian yang teguh. Nilai integriti juga termasuklah sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam. Malahan, kepentingan organisasi, perkhidmatan serta negara hendaklah mengatasi kepentingan diri sendiri.

13. Sesungguhnya penjawat awam memikul amanah untuk memelihara kepentingan negara dan rakyat. Justeru saya sekali lagi menyeru warga kerja MKM, untuk meningkatkan sistem penyampaian ke arah prestasi kerja tinggi dan berintegriti.

Hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

### **Penutup**

14. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MKM dan warga kerjanya kerana mengambil inisiatif menzahirkan komitmen melalui majlis pada petang ini dan menunjukkan sokongan padu terhadap semua usaha yang dilaksanakan khususnya dalam konteks peningkatan tahap integriti.
15. Besarlah harapan saya agar Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah ini akan menjadi penggerak kepada kita untuk terus mentrasformasikan diri melalui pelbagai aspek terutamanya dari segi kualiti perkhidmatan yang diamanahkan.

16. Dengan ini, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim... Saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada petang ini.

Wabillahitaufik walhidayah .

Wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh

**Dato' Sri Jamil bin Salleh**

**Ketua Setiausaha**

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

**Maktab Koperasi Malaysia**

**Februari 2018**